



CUKAI PERKHIDMATAN 2018

PANDUAN MAKANAN & MINUMAN

Diterbitkan oleh :

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri
Putrajaya**

19 April 2024

Penerbitan

Tarikh: 19 April 2024.

Panduan Makanan dan Minuman ini menggantikan Panduan Makanan dan Minuman yang bertarikh 16 April 2023.

Panduan Makanan dan Minuman bertarikh 16 April 2023 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Makanan dan Minuman yang dikemaskini pada 19 April 2024.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2024 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Perundangan Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	2
TERMINOLOGI	2
PENGENAAN DAN SKOP CUKAI	3
JUMLAH NILAI PERKHIDMATAN BERCUKAI YANG DITETAPKAN DAN KADAR CUKAI.....	6
OPERASI INDUSTRI SECARA UMUM	8
Perkhidmatan Yang Berkaitan	9
PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR.....	10
SOALAN LAZIM	11
PERTANYAAN	25
BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST	25

PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan perundangan subsidiari. Tarikh kuat kuasa Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang ditetapkan dikenali sebagai 'perkhidmatan bercukai'.
3. Seseorang yang menyediakan perkhidmatan bercukai melebihi jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan hendaklah mendaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan dikenali sebagai "orang berdaftar" yang perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan kepada pelanggannya.
4. Panduan ini disediakan untuk meningkatkan pemahaman layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman.

TERMINOLOGI

5. Perkataan-perkataan berikut mempunyai makna berikut di dalam panduan ini melainkan jika terdapat maksud yang berlainan:
 - (i) "**Kawasan Ditetapkan**" (KD) bermakna Labuan, Langkawi, Pangkor dan Tioman (Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018);
 - (ii) "**Kawasan Khas**" (KK) bermakna mana-mana kawasan zon bebas, Gudang berlesen (Seksyen 65, Akta Kastam 1967) dan gudang pengilang berlesen (Seksyen 65(A), Akta Kastam 1967), kawasan pembangunan bersama dan pengkalan bekalan petroleum (Seksyen 77B, Akta Kastam 1976) (Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018).

- (iii) **Kawasan Makanan Dan Minuman (KMM)**” adalah ruang dimana perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman disediakan dan disajikan dan berada dibawah kawalan penyedia makanan dan minuman berkenaan.

Contoh 1

Restoran yang mempunyai bangunan sendiri, KMM adalah keseluruhan bangunan termasuk kawasan di persekitaran bangunan yang dalam kawalan restoran, di mana pelanggan boleh menikmati makanan dan minuman dari restoran tersebut.

Contoh 2

Entiti restoran yang beroperasi di dalam hotel atau bangunan komersial seperti pasaraya, KMM adalah kawasan yang dibawah kawalan dan pengendalian restoran sahaja dan bukan keseluruhan hotel atau bangunan komersial tersebut.

Contoh 3

Sebuah syarikat menyediakan perkhidmatan katering untuk satu majlis perkahwinan di dewan bandaran, KMM untuk syarikat ini adalah premis penyediaan makanan dan termasuk dewan di mana perkhidmatan katering diberi.

PENGENAAN DAN SKOP CUKAI

6. Berkuatkuasa 1 September 2018, penyediaan makanan dan minuman adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah Kumpulan B, Jadual Pertama Peraturan Cukai Perkhidmatan (PCP) 2018.

7. Bagi tujuan Panduan ini, pengendali makanan dan minuman ditakrifkan seperti berikut:

- (i) Mana-mana orang yang mengendalikan restoran, bar, snek bar, kantin, rumah kopi atau mana-mana tempat yang menyediakan makanan dan minuman, sama ada dimakan di restoran, bar, snek bar, kantin, kedai kopi atau tempat itu atau dibawa pulang, tidak termasuk-
 - (a) Kantin yang terletak dalam institusi pendidikan; atau
 - (b) Kantin yang dikendalikan oleh badan atau institusi keagamaan.
- (ii) Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan catering;

Contoh 4

De'Enak Enterprise berjaya memperoleh kontrak pembekalan makanan bermasak daripada Kementerian Pendidikan untuk disajikan kepada pelajar sekolah berasrama penuh di Hulu Selangor selama 3 tahun. Kontrak pembekalan makanan bermasak tersebut merangkumi pembekalan makanan dan minuman untuk pelajar sekolah di dalam dewan makan asrama sekolah. De'Enak Enterprise juga diberikan ruang dapur dan penyimpanan bahan mentah di dalam dewan makan tersebut bagi tujuan menyedia dan memasak. Kontrak pembekalan makanan bermasak ini merupakan perkhidmatan catering dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

- (iii) Mana-mana orang yang mengendalikan medan selera. Termasuklah mana-mana tempat makan yang diuruskan secara berpusat dengan suatu sistem juruwang bersama dan yang dua atau lebih orang menyediakan makanan atau minuman.

8. Pengendali penyediaan makanan dan minuman di bawah kategori 7(i) adalah entiti yang mempunyai ciri-ciri sesebuah restoran dimana pelanggan boleh memesan makanan atau minuman mengikut citarasa pelanggan.

9. "Perkhidmatan Bercukai" bermaksud perkhidmatan yang diberi oleh pengendali makanan dan minuman termasuk -

- (i) Penyediaan makanan atau minuman yang disediakan atau dihidang;
- (ii) Pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual Pertama, PCP 2018;
- (iii) Pemberian perkhidmatan lain selain perkhidmatan penyewaan ruang di dalam KMM; atau
- (iv) Penyediaan atau penjualan –
 - (a) rokok;
 - (b) produk tembakau;
 - (c) paip tembakau (termasuk kepala paip);
 - (d) rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa;
 - (e) sediaan yang digunakan untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, sama ada mengandungi nikotin atau tidak; atau
 - (f) minuman beralkohol dan tidak beralkohol.

10. Perkhidmatan penyediaan makanan atau minuman yang diberikan di dalam Malaysia atau di kawasan khas (berkuatkuasa 6 September 2018) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Manakala perkhidmatan penyediaan makanan atau minuman yang diberikan di dalam kawasan ditetapkan adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

11. Pengendali makanan dan minuman yang jumlah nilai perkhidmatan bercukai melebihi jumlah yang ditetapkan dikehendaki menjadi orang berdaftar dan cukai perkhidmatan akan dikenakan olehnya.

12. Nilai cukai perkhidmatan dikira berdasarkan nilai harga sebenar tidak termasuk caj perkhidmatan.

Contoh 5

<i>Spaghetti Meatball</i>	<i>RM 15.60</i>
<i>Orange Juice</i>	<i>RM 6.00</i>
<i>Service Tax @ 6%</i>	<i>RM 1.30</i>
<i>Sub Total</i>	<i>RM 22.90</i>
<i>Service Charge @ 10%</i>	<i>RM 2.15</i>
Total	<u>RM 25.05</u>

13. Cukai perkhidmatan dikenakan pada masa pembayaran diterima.

JUMLAH NILAI PERKHIDMATAN BERCUKAI YANG DITETAPKAN DAN KADAR CUKAI

14. Bagi tujuan pendaftaran nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan adalah melebihi RM1,500,000 bagi tempoh 12 bulan.

15. Kadar cukai ialah 6% dan berkuatkuasa dari 1 September 2018 seperti yang ditetapkan dan diwartakan menurut PCP 2018.

16. Berkuat kuasa 1 Mac 2024, kadar cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan selain daripada penyediaan makanan dan minuman, minuman, perkhidmatan telekomunikasi, perkhidmatan penyediaan tempat letak kenderaan dan perkhidmatan logistik telah dinaikkan kepada 8% melalui Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2024.

17. Perkhidmatan yang disediakan oleh orang berdaftar di bawah Kumpulan B selain daripada penyediaan makanan atau minuman, tempat letak kereta, telekomunikasi, logistik dan lain-lain perkhidmatan yang disediakan di KMM yang tidak dinyatakan di dalam mana-mana kumpulan perkhidmatan bercukai adalah dikenakan pada kadar 8%.

18. Penetapan kadar cukai perkhidmatan ditentukan berdasarkan kepada jenis perkhidmatan bercukai yang disediakan dan bukannya mengikut kepada

perkhidmatan utama. Namun, sekiranya perkhidmatan bercukai disediakan secara berpakej, kadar cukai perkhidmatan ditetapkan berdasarkan kumpulan perkhidmatan bercukai.

19. Bagi orang berdaftar di bawah Kumpulan B, penetapan kadar cukai adalah seperti berikut:-

Bil.	Perkhidmatan bercukai	Kadar cukai perkhidmatan
i.	Penyediaan makanan atau minuman yang tersedia atau terhidang	6%
ii.	Pemberian mana-mana perkhidmatan bercukai lain yang dinyatakan dalam Kumpulan lain dalam Jadual Pertama, PCP 2018 - Perkhidmatan penyediaan ruang letak kenderaan - Perkhidmatan pengurusan majlis	6% 8%
iii.	Pemberian perkhidmatan lain selain perkhidmatan penyewaan ruang di dalam kawasan atau tempat perniagaan di bawah kawalan penyedia perkhidmatan Contoh 6 Pakej makanan dan minuman termasuk pengurusan majlis seperti pakej makan malam	6%
iv.	Penyediaan atau penjualan rokok, produk tembakau, paip tembakau (termasuk kepala paip), rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik peribadi yang serupa, sediaan yang digunakan	8%

	untuk merokok melalui rokok elektronik dan peranti pengewapan elektrik, dalam bentuk cecair atau gel, sama ada mengandungi nikotin atau tidak	
v.	Penyediaan atau penjualan minuman beralkohol	8%
vi.	Penyediaan atau penjualan minuman tidak beralkohol	6%

OPERASI INDUSTRI SECARA UMUM

20. Pengendali makanan dan minuman yang telah mencapai jumlah nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan dan menyediakan perkhidmatan bercukai di tempat-tempat berikut perlu mengenakan cukai perkhidmatan:

(i) **Restoran, bar, snek bar, kantin, rumah kopi atau KMM seumpamanya**

Tempat di mana pelanggan boleh memperolehi perkhidmatan untuk makan atau minum yang disediakan dan disajikan di premis tersebut atau untuk dimakan ditempat lain.

Sesebuah tempat penyediaan makanan dan minuman dianggap sebagai restoran, bar, snek bar, kantin, rumah kopi sekiranya mempunyai ciri-ciri sebuah tempat untuk menikmati makanan atau minuman termasuklah:

- (a) Ruang penyediaan makanan atau minuman di KMM;
- (b) Meja dan kerusi untuk pelanggan makan atau minum di KMM;
- (c) Menu makanan atau minuman untuk pelanggan membuat pilihan mengikut citarasa;
- (d) Menyediakan kemudahan-kemudahan untuk makan seperti sudu, garfu, sos dan lain-lain;
- (e) Pelayan atau pekerja yang mengambil pesanan dari pelanggan;

- (f) Pelayan atau pekerja menghidangkan makanan atau minuman yang dipesan;
- (g) Pelanggan tidak perlu menyediakan sendiri makanan atau minuman; atau
- (h) Pelanggan boleh memilih sama ada menikmati makanan atau minuman di dalam KMM atau membungkusnya untuk dibawa pulang.

(ii) **Penyedia Perkhidmatan Katering**

Perkhidmatan katering termasuk aktiviti koordinasi, persiapan, penyediaan dan penyajian makanan atau minuman kepada pelanggan bagi mana-mana acara, tempat atau orang lain sama ada di dalam KMM atau di luar KMM.

(iii) **Medan Selera**

Tempat terdapatnya banyak gerai yang menjual berbagai-bagai jenis makanan untuk orang ramai. Pengusaha medan selera menyediakan ruang untuk pelanggan makan dan minum dan juga ruang untuk penyedia makanan dan minuman untuk menyedia atau menyajikan makanan dan minuman. Kebiasaannya medan selera menyediakan system bayaran berpusat.

Perkhidmatan Yang Berkaitan

21. Perkhidmatan berkaitan yang disediakan di dalam KMM yang turut dikenakan cukai perkhidmatan adalah seperti berikut:

(i) **Kemudahan Tempat Letak Kereta**

Tempat letak kereta yang disediakan oleh pengendali makanan dan minuman tertakluk kepada cukai perkhidmatan, termasuk perkhidmatan valet.

(ii) ***Perkhidmatan-Perkhidmatan Lain Dalam KMM termasuklah:**

- (a) Sewaan kemudahan;

- (b) Perkhidmatan hiburan seperti karaoke, taman permainan dan lain-lain
- (c) Perkhidmatan memasak; atau
- (d) Perkhidmatan *corkage dan towel*;

**Nota: Senarai di atas tidak muktamad.*

(iii) **Jualan barang yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan:**

Minuman dalam botol, pek, kotak, tin, air mineral, air minuman dan produk tembakau sama ada mengandungi nikotin atau tidak.

PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR

22. Penyedia perkhidmatan yang mencapai nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan bagi perkhidmatan bercukai adalah dikehendaki berdaftar dibawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk **MySST User Manual (Registrant) Registration**.

23. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:

- (i) Mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
- (ii) Mengeluarkan invois dan resit kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;
- (iii) Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh; dan
- (iv) Menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.

Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk **Panduan Umum Cukai Perkhidmatan**.

SOALAN LAZIM

1. **S : Saya seorang pemilik restoran dan menyediakan kemudahan tempat letak kereta untuk pelanggan tanpa sebarang bayaran kerana mereka menjamu selera di restoran saya. Adakah saya perlu mengenakan cukai perkhidmatan ke atas kemudahan tempat letak kereta yang disediakan secara percuma kepada pelanggan, dan jika terdapat caj yang dikenakan, bagaimanakah saya perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan?**

J : Kemudahan tempat letak kereta yang disediakan kepada pelanggan secara percuma tidak dikenakan cukai perkhidmatan. Sekiranya terdapat caj yang dikenakan, ia tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

2. **S : Saya seorang pemilik restoran yang menerima tempahan pelanggan untuk menganjurkan sambutan hari lahir. Walau bagaimanapun, tempahan makanan dan minuman telah disediakan oleh katering luar. Apakah layanan cukai untuk situasi ini?**

J : Makanan dan minuman yang disediakan oleh pihak katering kepada pemilik restoran adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan sebanyak 6%. Penganjuran sambutan majlis hari lahir yang dicaj sebagai pakej oleh pemilik restoran juga tertakluk kepada cukai perkhidmatan yang termasuk nilai makanan dan minuman.

3. **S : Saya menyediakan perkhidmatan katering untuk majlis perkahwinan beserta khidmat pelayan. Adakah kos khidmat pelayan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Kos khidmat pelayan adalah sebahagian daripada harga pakej katering tersebut. Oleh itu, ia tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

4. S : Seorang pelanggan menempah perkhidmatan catering untuk majlis pada Disember 2018. Deposit diterima pada bulan Oktober 2018. Bila dan bagaimanakah saya harus mengakaunkan cukai perkhidmatan?

J : Deposit yang diterima pada bulan Oktober 2018 (jika tempoh bercukai dwi bulanannya adalah Oktober dan November) hendaklah diakaunkan tidak lewat daripada hari terakhir bulan selepas berakhirnya setiap tempoh bercukai iaitu 31 Disember 2018.

5. S : Apakah layanan cukai perkhidmatan untuk pakej perkahwinan yang termasuk perancang perkahwinan, khemah, perkhidmatan catering, solekan, jurugambar, juruhebah dan lain-lain yang disediakan oleh sebuah restoran?

J : Kesemua perkhidmatan pakej perkahwinan yang disediakan oleh pengendali makanan dan minuman di dalam EMM adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

6. S : Apakah layanan cukai untuk makanan dan minuman yang dijual di dalam pengangkutan penumpang melalui mod udara, darat dan laut kepada penumpang?

J : Makanan dan minuman yang dijual di dalam kenderaan pengangkutan penumpang melalui mod udara, darat dan laut tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia tidak disediakan oleh pengendali makanan dan minuman dalam kategori restoran. Walau bagaimanapun penjualan makanan untuk pengangkutan penumpang udara adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan dibawah kategori perkhidmatan pengangkutan penumpang udara.

7. S : Kami menyediakan perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman dalam penerbangan. Apakah layanan cukai untuk perkhidmatan makanan dan minuman dalam penerbangan?

J : Perkhidmatan katering untuk penerbangan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

8. S : **Adakah caj perkhidmatan tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Tidak, caj perkhidmatan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

9. S : **Adakah tip diberikan oleh pelanggan secara sukarela tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Tip yang diberikan secara sukarela oleh pelanggan kepada kakitangan restoran dianggap sebagai tanda penghargaan terhadap perkhidmatan yang diberikan olehnya. Tip yang diberi tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

10. S : **Adakah nilai jualan minuman yang diambil dari mesin layan diri yang terletak di dalam EMM tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**

J : Ya, semua jualan minuman melalui mesin layan diri yang dikendalikan oleh pengendali makanan dan minuman di dalam KMM adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Cukai perkhidmatan hendaklah dikira sebagai termasuk dalam nilai jualan.

11. S : **Apakah layanan cukai untuk kupon/ baucar yang dibeli di atas talian dan ditebus guna di premis pengendali makanan dan minuman?**

J : Kupon/ baucar yang dibeli di atas talian dan ditebus guna di premis pengendali makanan dan minuman adalah dianggap sebagai bayaran kepada perkhidmatan dan tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Kupon/ baucar ini hendaklah diakaunkan oleh pengendali makanan dan minuman. Nilai untuk mengenakan cukai perkhidmatan adalah pada nilai harga sebenar kupon/baucar.

12. S : Adakah kempen promosi secara pakej oleh pengendali makanan dan minuman seperti 'beli 1 percuma 1' tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Ya, pakej makanan dan minuman yang dibeli dan diberi secara percuma adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan dan hendaklah diakaunkan oleh pengendali makanan dan minuman berdasarkan harga pakej yang ditawarkan kepada pelanggan.

13. S : Adakah penyewaan ruang dalam KMM tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Tidak, penyewaan ruang tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Penyewaan ruang termasuk caj sampingan yang dikenakan berkaitan dengan penyewaan ruang seperti bayaran penggunaan elektrik dan air.

14. S : Restoran ABC juga menjual barang-barang bukan makanan seperti alat tulis, surat khabar, mainan dan lain-lain di restorannya. Adakah barang-barang tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Tidak, ia tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

15. S : Pengendali makanan dan minuman juga menjual makanan ringan seperti gula-gula, ais krim, kerepek pisang, dan sebagainya di restorannya. Adakah makanan ringan dikenakan cukai perkhidmatan?

J : Penjualan barangan yang telah siap dikilang dan dipek yang dijual di restoran tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

16. S : Pelanggan datang ke restoran saya dengan membawa ikan mentah untuk dimasak dan makan bersama keluarganya. Adakah perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Ya, ia tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

17. S : Adakah bir dalam tin (minuman alkohol) tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Ya, bir adalah minuman yang dikenakan cukai perkhidmatan.

18. S : Sebuah restoran yang terletak di Langkawi menyediakan perkhidmatan katering di Alor Setar, Kedah. Adakah perkhidmatannya tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Perkhidmatan yang disediakan di dalam atau di antara KD tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Walau bagaimanapun, cukai perkhidmatan akan dikenakan oleh mana-mana orang yang tempat perniagaan utamanya terletak di KD atas apa-apa perkhidmatan bercukai yang diberikan olehnya di dalam Malaysia. Dalam senario di atas, perkhidmatan katering yang disediakan oleh restoran yang tempat perniagaan utama terletak di Langkawi, yang diwartakan sebagai KD, ke Alor Setar, Kedah adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

19. S : Selain daripada perkhidmatan makanan dan minuman, restoran saya juga menyediakan sesi karaoke dan persembahan tarian. Adakah perkhidmatan tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Ya, ia tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya caj dikenakan untuk perkhidmatan tersebut.

20. S : Apakah layanan cukai perkhidmatan untuk aktiviti memancing di kolam yang dimiliki oleh restoran?

J : Aktiviti memancing di kolam yang dimiliki oleh restoran dianggap sebagai perkhidmatan yang disediakan oleh restoran sekiranya perkhidmatan itu berada di dalam EMM. Oleh itu, ia tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

21. S : Adakah perkhidmatan penghantaran oleh pengendali makanan dan minuman tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

- J : Berkuat kuasa 1 Mac 2024, perkhidmatan penghantaran makanan atau minuman oleh penyedia makanan dan minuman seperti orang kena cukai di bawah Kumpulan B, adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
- 22. S : Apakah layanan cukai perkhidmatan untuk deposit tempahan?**
- J : Deposit untuk tempahan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan dan menjadi genap masa apabila bayaran diterima.
- 23. S : Seorang pelanggan telah dikenakan bayaran kerana memecahkan pinggan mangkuk. Adakah caj bayaran tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Tidak, pelanggan tidak perlu membayar cukai perkhidmatan untuk bayaran pinggan mangkuk yang telah dipecahkan.
- 24. S : Adakah makanan dan minuman percuma untuk kakitangan pengendali makanan dan minuman tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Makanan/minuman percuma untuk kakitangan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas nilai sebenar perkhidmatan tersebut. Sekiranya makanan/minuman yang diberikan percuma dan tiada nilai jualan, maka cukai perkhidmatan dikenakan ke atas nilai sifar.
- 25. S : Sebuah kedai serbaneka di stesen minyak menyediakan kemudahan untuk pelanggannya secara layan sendiri (contohnya *microwave*, pemanas air, mesin layan diri minuman panas, dan lain-lain). Adakah makanan dan minuman yang dibeli oleh pelanggan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Kedai serbaneka bukan merupakan orang kena cukai seperti yang dinyatakan di ruang (1), Kumpulan B, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 dan pembelian makanan dan

minuman secara layan diri tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

26. S : Saya adalah pemilik sebuah stesen minyak. Selain daripada menjual minyak petrol dan diesel, saya juga mempunyai kaunter layan diri yang menjual makanan siap dibungkus seperti nasi lemak dan bahun goreng. Saya juga mempunyai kiosk yang menjual makanan ringan seperti *waffle* dan *hotdog*. Adakah makanan dan minuman tersebut tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Makanan yang telah siap dibungkus tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Begitu juga makanan ringan yang dijual di kiosk dan disediakan oleh pekerja adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana entiti berkenaan bukanlah sebuah tempat penyediaan makanan yang mempunyai ciri-ciri sebuah restoran.

27. S : Adakah cukai perkhidmatan dikenakan untuk makanan yang dihidangkan di *lounge* lapangan terbang?

J : Secara amnya, cukai perkhidmatan dikenakan untuk makanan dan minuman yang dihidangkan di *lounge* lapangan terbang. Bagi penumpang yang menerima makanan percuma di *lounge*, cukai perkhidmatan dianggap sudah termasuk di dalam harga tiket penerbangan, contohnya bagi kelas perniagaan dan kelas pertama. Untuk pelanggan *walk-in* yang membayar makanan dan minuman, cukai perkhidmatan hendaklah dikenakan.

28. S : Saya adalah pengendali mesin layan diri yang mempunyai mesin layan diri di tempat awam seperti pusat membeli-belah, lapangan terbang, dan lain-lain. Perlukah saya mendaftar sebagai orang berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018?

- J : Pengendali mesin layan diri bukan merupakan orang kena cukai. Oleh itu, pengendali mesin layan diri tidak bertanggung untuk berdaftar.
29. S : **Pawagam mempunyai snek bar/ kaunter atau kios yang menjual makanan panas atau makanan ringan (contohnya waffle, bertih jagung, nuget, dll) dan minuman kepada pelanggannya. Adakah pawagam dikehendaki berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018? Adakah makanan dan minuman tersebut boleh dikenakan cukai?**
- J : Sekiranya snek bar/ kaunter atau kios yang menjual makanan panas atau makanan ringan mempunyai ciri-ciri sebuah restoran, maka ia boleh didaftarkan dan mengenakan cukai perkhidmatan.
30. S : **Adakah perkhidmatan yang beroperasi dari rumah atau mana-mana premis yang menyedia dan menjual makanan dan minuman secara dalam talian tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Perkhidmatan menyedia dan menjual makanan dan minuman secara dalam talian berkemungkinan tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Perkhidmatan menyedia dan menjual makanan oleh sesebuah entiti boleh dikenakan cukai perkhidmatan sekiranya entiti tersebut menyediakan perkhidmatan katering dan nilai jualan melebihi nilai ambang yang ditetapkan.
- 31 S : **Adakah pembelian makanan atau minuman yang disediakan melalui mesin layan diri yang terletak di dalam KMM yang berdaftar di bawah cukai perkhidmatan tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Pembelian makanan atau minuman yang dibeli daripada mesin layan diri yang terletak di dalam KMM yang bukan dimiliki atau

dikendalikan oleh entiti yang berdaftar adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

32. S : Adakah perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman yang disediakan di dalam atau di antara KD oleh cawangan sebuah restoran di KD adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman yang disediakan di dalam atau di antara KD oleh cawangan tersebut adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya entiti yang menyediakan perkhidmatan tersebut boleh mengeluarkan invoice serta mengawal akaunnya sendiri. Walau bagaimanapun, cukai perkhidmatan akan dikenakan oleh mana-mana orang yang tempat perniagaan utamanya terletak di KD dan hanya ibu pejabat yang boleh mengeluarkan invoice dan mempunyai kawalan sepenuhnya terhadap cawangan di dalam KD.

33. S : Adakah perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman yang disediakan di dalam atau di antara KK tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Ya, cukai perkhidmatan dikenakan terhadap perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman yang disediakan di dalam atau di antara KK.

34. S : Adakah sewaan premis, peralatan dan lain-lain kemudahan yang disediakan dalam satu pakej oleh restoran berdaftar tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Perkhidmatan yang ditawarkan oleh restoran berdaftar yang berada di dalam KMM sebagai satu pakej (contohnya sewa ruang, makanan dan minuman, juru acara dan lain-lain) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

35. S : Adakah francais pengendali makanan dan minuman di bawah lesen francais yang menyediakan makanan atau minuman di kaunter/ kios jualan tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Perkhidmatan penyediaan atau penjualan makanan atau minuman yang disediakan oleh francais hendaklah mengikut syarat yang dinyatakan oleh francaisor seperti yang dinyatakan dalam perjanjian francais. Sekiranya francaisor mengkehendaki francais berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018, francais boleh berdaftar secara sukarela walaupun tidak melebihi nilai ambang yang ditetapkan.

36. S : Adakah penjualan bakeri di kedai kek dikenakan cukai perkhidmatan?

J : Penjualan roti/ biskut/ bakeri di kedai kek tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan sekiranya kedai kek tersebut tidak mempunyai ciri-ciri sebuah restoran. Walau bagaimanapun sekiranya produk bakeri adalah dibawah kategori barang bercukai jualan, kedai kek berkenaan hendaklah berdaftar sebagai pengilang berdaftar dibawah cukai jualan. Sila rujuk Akta Cukai Jualan 2018 untuk maklumat lanjut.

Selain daripada jualan bakeri, kedai saya juga ada menjual

37. S : makanan bermasak seperti nasi ayam, ayam goreng dan sandwich. Adakah penjualan nasi ayam, ayam goreng dan sandwich ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

Ya, penjualan makanan bermasak yang disediakan atau dimasak di

J : KMM adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

38. S : Saya menjual makanan dan minuman di tapak pasar malam. Perlukah saya berdaftar cukai perkhidmatan dan mengenakan cukai perkhidmatan 6% ke atas jualan makanan dan minuman yang dijual di pasar malam?

- J : Pengendali makanan atau minuman di pasar malam bukan merupakan orang kena cukai di ruang (1), Kumpulan B, Jadual Pertama, PCP 2018.
39. S : **Pizzaria Pizza (PP) merupakan sebuah restoran yang menjual makanan barat seperti pizza, spaghetti, makaroni dan burger. Walau bagaimanapun, PP hanya membenarkan pembelian secara bungkus (*take away*) sahaja. Adakah penjualan makanan berbungkus tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Penjualan makanan oleh PP sama ada untuk dinikmati di dalam KMM atau dibawa pulang adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia merupakan perkhidmatan bercukai di bawah Kumpulan B, Jadual Pertama, PCP 2018.
40. S : **Adakah penjualan makanan dan minuman yang disediakan oleh pekerja di kaunter kedai serbanika tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Tidak, penjualan makanan atau minuman yang disediakan oleh staff atau pekerja kedai serbanika tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Kedai serbanika tidak tertakluk di bawah kategori orang kena cukai seperti restoran, bar, snek bar, kantin, rumah kopi atau KMM seumpamanya.
41. S : **Saya mengenakan caj ke atas perkhidmatan pembungkusan kepada pelanggan yang ingin membawa pulang makanan yang dibeli di restoran. Adakah caj pembungkusan ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Caj pembungkusan yang dikenakan kepada pelanggan bagi tujuan membungkus makanan untuk dibawa pulang adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana ia merupakan sebahagian daripada perkhidmatan penjualan makanan untuk dibawa pulang oleh pihak restoran kepada pelanggannya.

42. S : Saya mengenakan caj ke atas penjualan beg plastik bagi memudahkan pelanggan saya membawa pulang makanan yang dibungkus daripada restoran saya. Adakah caj penjualan beg plastik ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Caj ke atas penjualan beg plastik yang dikenakan kepada pelanggan bagi memudahkan pelanggan membawa pulang makanan yang dibungkus daripada restoran adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

43. S : Adakah penjualan rokok di restoran yang berdaftar SST tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Ya, bermula 15 Mei 2023, kesemua penjualan produk tembakau sama ada mengandungi nikotin atau tidak adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Penjualan rokok di restoran berdaftar SST perlu dikenakan cukai perkhidmatan.

44. S : Apakah layanan cukai perkhidmatan ke atas makanan atau minuman yang disediakan dan dijual di dalam kedai serbaneka di mana terdapat ruang khas yang disediakan untuk pelanggan menikmati makanan atau minuman di dalam kedai tersebut tersebut?

J : Kedai serbaneka yang menyediakan makanan atau minuman serta memperuntukkan ruang untuk pelanggan menikmati makanan dan minuman di dalam kedai serbaneka tersebut bukan merupakan orang kena cukai di bawah Kumpulan B. Oleh yang demikian, penjualan makanan atau minuman yang disediakan dan dijual di dalam kedai serbaneka adalah tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

Walau bagaimanapun, sekiranya kedai serbaneka tersebut memperuntukkan ruang khas bagi tujuan penyediaan dan penjualan makanan atau minuman dan menepati ciri-ciri sebuah restoran, kafeteria atau seumpamanya, maka penjualan makanan atau minuman tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

45. S : Adakah penjualan makanan dan minuman yang dijual melalui platform digital dikenakan cukai perkhidmatan?

J : Sebagai orang berdaftar Kumpulan B, makanan yang dijual melalui platform digital dikenakan cukai perkhidmatan ke atas nilai makanan atau minuman dan restoran perlu mengakaunkan cukai perkhidmatan ke atas penjualan makanan atau minuman tersebut.

Penyedia platform digital yang menyediakan perkhidmatan digital kepada pelanggan akan mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital yang diberikan iaitu platform digital dimana makanan atau minuman yang dipesan dan dibeli oleh pengguna.

46. S : Restoran EraGepuk menyediakan perkhidmatan katering selain daripada perkhidmatan restorannya yang beroperasi setiap hari. Restoran EraGepuk turut menyediakan perkhidmatan urutan kaki bagi pelanggan yang berkunjung ke restoran. Apakah kadar cukai yang dikenakan ke atas penyediaan makanan dan minuman serta urutan kaki kepada pelanggan restoran?

J : Perkhidmatan penyediaan makanan dan minuman dan katering yang disediakan oleh Restoran EraGepuk dikenakan cukai perkhidmatan pada kadar 6% dan perkhidmatan urutan kaki dikenakan cukai perkhidmatan sebanyak 8%.

47. S : Jamu Ratu adalah restoran yang menyediakan hidangan bertemakan masakan Indonesia. Pelanggan-pelanggan yang menikmati hidangan di restoran turut dapat menyaksikan pementasan wayang kulit di dalam ruang khas di restoran tersebut. Pelanggan yang ingin menyaksikan pementasan wayang kulit akan dikenakan caj. Adakah caj ini tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Dibawah butiran (c), ruang (2), Kumpulan B, Jadual Pertama, PCP 2018, pemberian perkhidmatan lain, selain perkhidmatan penyewaan ruang adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan Perkhidmatan

pementasan wayang kulit yang disediakan di dalam restoran adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar 6%.

48. S : Di dalam DCP 3/2024 (Pindaan No.1) dimaklumkan bahawa penjualan buah-buahan adalah tidak dikenakan cukai perkhidmatan. Sekiranya restoran saya menjual buah-buahan yang dipotong adakah ia tertakluk kepada cukai perkhidmatan?

J : Penjualan buah-buahan yang dipotong di restoran adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan pada kadar 6%.

PERTANYAAN

Untuk sebarang pertanyaan mengenai panduan ini sila hubungi :

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)
Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Aras 6, Tower A, Suasana PjH
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2
62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

- (i) Laman Web SST: <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam:-
 - Hotline : 1 300 88 8500
 - Telefon : 03-8882 2100/ 2300/ 2500
 - Email : ccc@customs.gov.my